

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKP 213 – Falsafah Politik**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan SEMUA soalan di Bahagian B.

Bahagian A:

Gunakan kertas OMR untuk menjawab Soalan 1.

Gunakan pensil 2B.

Serahkan kertas OMR dan keseluruhan kertas soalan Bahagian A kepada Ketua Pengawas. Jangan ceraikan mana-mana halaman. Markah '0' akan diberikan sekiranya calon tidak menyerahkan keseluruhan kertas soalan Bahagian A kepada Ketua Pengawas.

Bahagian B

Jawab SEMUA soalan. Jawab di ruangan yang disediakan sahaja. Kertas jawapan tambahan tidak diperlukan.

KETUA PENGAWAS:

Sila pungut borang OMR dan KESELURUHAN kertas soalan ini (tanpa diceraikan mana-mana muka surat) dan kertas soalan peperiksaan yang berlebihan untuk dikembalikan kepada Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pendaftar, USM.

**BAHAGIAN A (50 markah)**

1. Menurut golongan pemikir tradisi timur (termasuk falsafah politik Cina, India dan Islam) konsep keadilan merangkumi prinsip-prinsip yang bertujuan \_\_\_\_\_.
- membina manusia agar ia mempunyai nilai diskriminasi tentang yang baik dan yang buruk
  - membina akhlak manusia supaya ia dapat menggunakan akal fikirannya dengan sempurna.
  - membina manusia yang mempunyai perasaan cinta terhadap manusia dan semua makhluk Tuhan.
  - membina manusia yang dapat hidup berharmoni dengan alam sekelilingnya.
  - Mempunyai sikap toleransi terhadap manusia lain.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- i, ii, iii.
  - i, ii, vi.
  - i, ii, iii, iv.
  - i, ii, iii, iv, v.
  - ii, iii, iv.
2. Falsafah politik merupakan satu pendekatan yang bertujuan mengkaji tentang kehidupan manusia dalam organisasi sosial yang dinamakan negara. Sesungguhnya konsep negara ini berkait rapat dengan persoalan \_\_\_\_\_.
- penggunaan atau salah penggunaan kuasa.
  - penguatkuasaan undang-undang.
  - penyelesaian konflik masyarakat.
  - tercetus revolusi di sesebuah masyarakat.
  - kewujudan ketidakadilan dan penindasan.
3. Antara karya-karya Plato yang terkenal ialah ...
- Leviathan.
  - Republic.
  - The Laws.
  - Two Treatises of Government.
  - The Prince.
  - The Philosopher King.
  - Politic.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- i dan ii sahaja.
- ii dan iii sahaja.
- ii, iv dan v sahaja.
- v dan vi sahaja.
- vi dan vii sahaja.

4. Salah satu cadangan Plato yang ditakrifkan sebagai radikal ialah ...
- A. penghapusan institusi perhambaan.
  - B. penghapusan institusi keluarga.
  - C. penghapusan institusi raja.
  - D. penghapusan institusi badan perwakilan.
  - E. penghapusan institusi negara.
5. Antara sumbangan penting Plato terhadap falsafah politik ialah ...
- i. membincangkan konsep raja berperikemanusiaan.
  - ii. teori politik yang berkaitan dengan teori komunisme.
  - iii. memperkenalkan konsep raja falsafah (philosopher king)
  - iv. mengemukakan secara mendalam tugas-tugas seorang pemerintah.
  - v. mengemukakan teori kontrak sosial.
  - vi. mengemukakan teori tentang kepentingan pendidikan.
- Kombinasi jawapan yang betul ialah ...
- A. i sahaja.
  - B. ii, v, dan vi sahaja.
  - C. i, ii, iii dan iv sahaja.
  - D. ii, iii iv dan vi sahaja.
  - E. iv, v dan vi sahaja.
6. Plato dikatakan mengaitkan kewujudan satu konsep negara yang berteraskan kepentingan ...
- A. kuasa politik.
  - B. kuasa ekonomi.
  - C. kuasa keadilan.
  - D. kuasa pemerintah yang mutlak.
  - E. berperikemanusiaan pemerintah.
7. Aristotle telah juga membentangkan dua konsep politik yang penting di dalam memupuk sikap positif rakyat terhadap negara. Apakah dua konsep yang dimaksudkan?
- i. Muafakat.
  - ii. Integrasi.
  - iii. Demokrasi.
  - iv. Nasionalisme.
  - v. Komunisme.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii.
  - B. ii dan iii.
  - C. ii dan iv.
  - D. iii dan v.
  - E. i dan iii.
8. Menurut Aristotle corak pemerintahan apakah yang ditakrif sebagai paling tidak stabil dan terdedah kepada keadaan huru hara ?
- A. Aristokrasi.
  - B. Demokrasi.
  - C. Autokrasi.
  - D. Monarki.
  - E. Totaliter.
9. Aristotle terkenal kerana beliau telah mengemukakan pendapat-pendapat tentang kehidupan politik manusia dengan cara yang dapat dianggap ...
- A. saintifik kerana menggunakan kaedah-kaedah penyelidikan yang positif.
  - B. berdasarkan idea-idea peribadinya yang luar biasa.
  - C. tepat dan munasabah kerana ia logik.
  - D. ia telah melakukan perbandingan di antara beberapa sistem pemerintahan.
  - E. ia telah menggunakan pendekatan fungsi-struktur untuk menerangkan institusi negara.
10. Antara karya-karya Thomas Hobbes ialah ...
- i. The Element.
  - ii. Short Treatise on the First Principle.
  - iii. Social Contract.
  - iv. Leviathan.
  - v. De Cive.
  - vi. The Prince.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii sahaja.
- B. i, ii dan vi sahaja.
- C. i, iv dan v sahaja.
- D. ii, iii dan iv sahaja.
- E. iv dan vi sahaja.

11. Hobbes dikatakan merintis beberapa pembaharuan dalam pengajian falsafah politik. Antaranya ialah ...
- i. jadikan sains politik satu jenis kajian/penyelidikan yang disamakan dengan penyelidikan-penyelidikan sains tulen.
  - ii. menegaskan bahawa falsafah politik seperti juga dengan sains tulen boleh dikaji berdasarkan struktur dan mekanisme satu-satu masyarakat.
  - iii. mula-mula sekali mengaitkan struktur politik dengan fungsinya.
  - iv. mencuba untuk memberi jawapan tentang soal kehidupan baik/semurna manusia.

Kombinasi jawapan yang betul ...

- A. i dan ii sahaja
  - B. ii, iii dan iv sahaja
  - C. iii dan iv sahaja
  - D. i, iii dan iv sahaja
  - E. ii dan iv sahaja
12. Hobbes juga dikatakan ahli falsafah politik yang julung-julung menggunakan satu kaedah yang baru untuk menganalisis asal usul sesebuah sistem politik. Kaedah tersebut ialah ...
- A. politik ekonomi.
  - B. politik falsafah.
  - C. antropologi politik.
  - D. sosiologi politik.
  - E. ekonomi politik.
13. Hobbes menaruh penuh kepercayaan kepada sistem pemerintahan berikut.
- A. Demokrasi.
  - B. Aristokrasi.
  - C. Monarki.
  - D. Autokrasi.
  - E. Autokrat.
14. Hobbes menyifatkan manusia dalam keadaan semula jadi sebagai:
- A. makhluk yang tidak mempunyai akal.
  - B. komuniti pra-masyarakat tanpa kedaulatan.
  - C. makhluk yang sentiasa bekerjasama secara damai.
  - D. masyarakat pra-negara tanpa kontrak sosial.
  - E. keadaan yang aman dan damai.

15. Menurut Thomas Hobbes, John Locke dan Jean Jacques Rousseau, negara ialah ciptaan ...

- i. Tuhan.
- ii. manusia.
- iii. pemerintah.
- iv. pahlawan yang menakluki satu-satu wilayah.
- v. golongan tokoh agama.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii sahaja.
- B. ii, iii dan iv sahaja.
- C. iii dan iv sahaja.
- D. i, iii dan iv sahaja.
- E. ii dan iv sahaja.

16. Hobbes telah mengemukakan beberapa pendapat mengenai sifat dan tabiat manusia dalam keadaan semula jadi. Antara kenyataan berikut yang manakah **tidak benar** berasaskan pendapat Hobbes itu?

- A. manusia merupakan sebuah jentera yang amat mudah difahami keinginan dan kehendaknya.
- B. gerak geri manusia adalah dikawal oleh perasaan yang merupakan gerakan dalaman.
- C. manusia tidak berdaya membongkar tujuan manusia lain.
- D. kehidupan manusia penuh dengan persaingan.
- E. manusia sentiasa terlibat dalam perlumbaan untuk mendapat lambang taraf dan status.

17. Dalam buku Social Contract, Jean Jacques Rousseau telah membincangkan perkara yang berikut...

- A. bagaimana mengasaskan kerajaan yang baik.
- B. bagaimana membentuk pertalian yang baik antara pemerintah dan rakyat.
- C. bagaimana mewujudkan negara yang sesuai bagi manusia bebas.
- D. bagaimana mengehadkan kuasa mutlak pemerintah.
- E. bagaimana mempertanggungjawabkan kerajaan yang di wujud.

18. Menurut Rousseau kehendak umum terbit ...

- A. daripada masyarakat keseluruhannya.
- B. daripada kuasa mutlak pemimpin.
- C. daripada kewibawaan rakyat yang berpendidikan.
- D. daripada kehendak Tuhan dan ketua agama.
- E. daripada sanubari manusia.

19. Rousseau menegaskan bahawa kedaulatan ...
- A. boleh diserahkan kepada pemerintah yang dilantik oleh rakyat jelata.
  - B. tidak boleh diserahkan atau diamanahkan kepada sesiapa pun.
  - C. boleh diamanahkan kepada wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat.
  - D. tidak boleh diserahkan oleh pemerintah kepada orang lain walaupun beliau uzur.
  - E. boleh diamanahkan kepada wakil-wakil rakyat yang memegang tugas merangka-cipta undang-undang.
20. Di dalam negara unggul yang dibayangkan oleh Rousseau, corak pemerintahan demokrasi harus dipraktikkan kerana ...
- i. rakyat akan rasa mereka terlibat dalam hal ehwal pemerintahan negara.
  - ii. kedaulatan tidak terbahagi dan ia membayangkan perpaduan rakyat jelata.
  - iii. rakyat sememangnya mengamanahkan segala hal pemerintahan kepada pemerintah yang boleh dipercayai.
  - iv. Dewan Perundangan yang dilantik oleh rakyat boleh mempertanggungjawabkan pemerintah.
  - v. semua rakyat secara langsung dapat mempergunakan wakil rakyat untuk mempertabahkan kepentingan individu mereka.
  - vi. kuasa mutlak dalam soal memerintah berada dalam perlembagaan yang diperkenalkan oleh anggota dewan perundangan yang dilantik oleh rakyat.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii.
  - B. iii dan iv.
  - C. iii dan v.
  - D. iv dan v.
  - E. v dan vi.
21. Rousseau ditakrifkan sebagai seorang ahli teori demokrasi yang agung kerana mengesyorkan supaya ...
- A. kedaulatan haruslah berada dalam masyarakat secara keseluruhannya.
  - B. kuasa pemerintahan seharusnya berada dalam dewan perundangan yang dilantik oleh rakyat.
  - C. kuasa pemerintah seharusnya berada dalam badan alim ulama yang dilantik oleh pemerintah.
  - D. kuasa mutlak seharusnya berada dalam perlembagaan.
  - E. kuasa mutlak mengenai pemerintahan harus berada di tangan seseorang pemerintah yang dilantik oleh Tuhan.
22. Menurut Rousseau kehendak umum apabila dilaksanakan adalah ...
- A. kuasa pemerintah.
  - B. kuasa mutlak pemimpin.
  - C. kewibawaan.
  - D. kedaulatan.
  - E. keadilan.

23. Rousseau mendakwa bahawa manusia sememangnya menghadapi banyak kedukaan. Kedukaan-kedukaan tersebut adalah berpunca daripada ...
- i. pertelingkahan dan konflik antara pemerintah dengan rakyat.
  - ii. negara unggul beliau tidak ambil kira kepentingan bersama semua individu yang bermastautin di sesuatu wilayah yang tertentu.
  - iii. pertelingkahan dan konflik di antara individu dengan masyarakat.
  - iv. undang-undang yang tidak adil.
  - v. kerajaan yang zalim yang menyebabkan kejahatan.
  - vi. kuasa mutlak dalam hal pemerintahan berada dalam perlembagaan.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii.
- B. ii dan iii.
- C. iii, iv dan v.
- D. iii, dan vi.
- E. i, ii, iii, iv dan vi.

24. Karl Marx merupakan perintis ...

- A. pengajian ekonomi politik.
- B. pengajian sains politik tulen.
- C. pengajian falsafah politik empiris.
- D. pengajian antropologi politik.
- E. pengajian teori politik yang saintifik.

25. Antara karya-karya terkenal Karl Marx ialah ...

- i. The Communist Manifesto.
- ii. Das Kapital.
- iii. The Critique of Political Economy.
- iv. The Poverty of Philosophy.
- v. The Spirit of Law.
- vi. Mein Kampf.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i dan ii sahaja.
- B. i, ii, iii dan iv sahaja.
- C. iii, iv dan v sahaja.
- D. iv, v dan vi sahaja.
- E. v dan vi sahaja.



26. Marx telah menerangkan perubahan sosial berdasarkan perubahan dari segi ...

- A. sejarah.
- B. ragam pengeluaran.
- C. ragam ekonomi negara.
- D. ragam pendidikan rakyat.
- E. corak pemerintahan.

27. Teori revolusi Marx berbeza daripada teori revolusi Aristotle kerana:

- i. Marx lebih menekankan perjuangan kelas.
- ii. Teori Aristotle berkisar sekeliling sistem kerajaan manakala teori Marx berasaskan analisis sistem sosial.
- iii. Aristotle lebih menyentuh peranan kelas menengah.
- iv. Marx tidak menyentuh peranan kelas borjuis.
- v. Teori Aristotle lebih bersifat perubahan politik sedangkan teori Marx tertumpu kepada transformasi sosial.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i, ii dan iii.
- B. i, iii dan iv.
- C. ii, iii dan iv.
- D. i, ii, iii dan v.
- E. iii, iv dan v.

28. Mengikut teori Marx, dalam suatu masyarakat yang bercorak kapitalis, dua kelas masyarakat di katakan akan timbul. Kelas-kelas yang dimaksudkan ialah ...

- A. kelas orang berada dengan kelas orang tidak berada.
- B. kelas yang menentang kapitalis dan yang menyokong kapitalis.
- C. kelas miskin dan kelas yang kaya
- D. borjuis dan proletar.
- E. kapitalis dan komunis.

29. Bagi Marx determinan atau aspek yang menentukan perubahan sosial ialah ...

- A. faktor-faktor politik.
- B. faktor-faktor ekonomi.
- C. faktor-faktor falsafah sejagat.
- D. faktor-faktor sejarah.
- E. faktor-faktor kuasa.

30. Satu kritikan yang biasa dilakukan terhadap teori revolusi Karl Marx ialah ...
- A. kelas pemerintah tidak semestinya menyedari kepentingan kelas mereka yang menurut beliau mesti berlaku sebagai pra syarat kepada kewujudan konflik.
  - B. kelas bangsawan semestinya menyedari kepentingan kelas mereka dan ini perlu berlaku sebagai pra syarat sebelum kewujudan konflik.
  - C. kelas borjuis tidak semestinya menyedari kepentingan kelas yang menurut beliau mesti berlaku sebagai pra syarat kepada kewujudan konflik.
  - D. kelas pekerja tidak semestinya menyedari kepentingan kelas mereka yang menurut beliau mesti berlaku sebagai pra syarat kepada kewujudan konflik.
  - E. kelas pekerja semestinya menyedari kepentingan kelas mereka yang menurut beliau tidak berlaku sebagai pra syarat kepada kewujudan konflik.
31. Apakah nama yang diberikan oleh Marx kepada bentuk negara yang wujud selepas kejayaan revolusi golongan pekerja?
- A. Negara Komunis.
  - B. Negara Kapitalis.
  - C. Negara Tanpa Kelas.
  - D. Negara Proletar.
  - E. Negara Demokrasi Sosialisme.
32. Menurut Marx terdapat beberapa punca konflik. Di antara kenyataan-kenyataan berikut yang manakah menepati hujah Marx?
- i. kelas yang mengehkmilikkan barang-barang pengeluaran bertentangan dengan kelas yang mengeluarkan barang-barang tersebut.
  - ii. di antara individu yang ingin membuat keuntungan melalui satu sistem eksploitasi di mana para pekerja dieksploitasi untuk membolehkan satu kumpulan kecil memperoleh kekayaan.
  - iii. kelas elit yang menguasai proses politik dan kelas pekerja ditindas.
  - iv. kelas atasan yang kaya raya dan golongan miskin yang merana.

Kombinasi jawapan yang tepat ialah ...

- A. i dan ii.
- B. i dan iii.
- C. ii dan iv.
- D. ii dan iii.
- E. iii dan iv.

33. Falsafah politik Confucius sepatutnya dipandang sebagai satu kenyataan tentang ...
- A. falsafah konflik.
  - B. falsafah harmoni.
  - C. falsafah mistisisme.
  - D. falsafah hidup bermoral.
  - E. falsafah materialisme.
34. Menurut Confucius perbuatan yang mungkar dan zalim dapat dielakkan kerana manusia sedar bahawa ...
- A. Tuhan akan menghukum sesiapa yang bertindak sedemikian.
  - B. jika mereka berbuat demikian ia akan melampaui prinsip asas kestabilan dunia.
  - C. berbuat demikian akan melanggar peraturan negara.
  - D. berbuat demikian akan melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan oleh wakil Tuhan di bumi.
  - E. bahawa sikap tidak membantah akan melanggar undang-undang semula jadi.
35. Confucius berpendapat dunia ini perlu dianggap sebagai suatu keadaan yang menanggung kehidupan manusia dipengaruhi oleh satu prinsip yang kekal ia itu "all prevailing principle".
- Menurut prinsip ini ....
- A. manusia akan sentiasa berkonflik di antara satu dengan yang lain.
  - B. manusia akan sentiasa didorong untuk mencari mata pencarian yang memuaskan.
  - C. manusia akan didorong untuk bertindak supaya mencapai kehidupan sempurna di dalam dunia ini.
  - D. manusia akan didorong untuk bertindak ganas kerana kekurangan sumber-sumber semula jadi.
  - E. manusia akan didorong untuk bertindak untuk mempertahankan kepentingan peribadinya kerana manusia lain juga menghendaki bahan keperluan yang sama.
36. Confucius berpendapat pemerintah adalah berhak memerintah kerana ...
- A. ia diberi mandat oleh Tuhan.
  - B. ia diberi kepercayaan untuk memerintah oleh golongan yang diperintah.
  - C. ia menerima wahyu untuk memerintah daripada Pemerintah Alam.
  - D. ia diberi kepercayaan untuk memerintah oleh golongan berkuasa dalam masyarakat tersebut.
  - E. ia diberi kuasa untuk memerintah oleh pembesar-pembesar negara.

37. Doktrin mengenai corak pemerintahan Confucius adalah berdasarkan permuafakatan rakyat. Konsep demokrasi di sini dapat disamakan dengan ...
- A. konsep pemerintahan aristokrasi seperti yang dicadangkan oleh Plato.
  - B. konsep "commonwealth" seperti yang dicadangkan oleh Thomas Hobbes.
  - C. pemerintahan raja mutlak seperti yang dicadangkan oleh Aristotle.
  - D. pemerintahan terhad yang dikuasai oleh golongan pekerja.
  - E. kehendak umum seperti yang diperkenalkan oleh Rousseau.
38. Menurut Confucius pemerintah yang adil perlu bertindak mengikut garis-garis panduan berikut ...
- i. mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.
  - ii. memastikan bahawa pemerintahannya teratur.
  - iii. menegur kesalahan.
  - iv. bertindak untuk membina tingkah laku rakyat yang akan membawa manusia ke arah pencapaian kehidupan sosio-politik yang adil.
  - v. menolong rakyat jika mereka menghadapi apa-apa kemusykilan.
  - vi. memberikan hak kebebasan kepada semua rakyat.
- Kombinasi jawapan yang betul ialah ...
- A. i, ii, iii, iv.
  - B. i, iii, iv, v.
  - C. iii, iv, v.
  - D. i, ii, iii, iv, v.
  - E. i, ii, iii, iv, v, vi.
39. Teori kewujudan Negara Islam dapat disama ertikan dengan ...
- A. teori keadilan semula jadi.
  - B. teori teologi.
  - C. teori khalifah.
  - D. teori raja berperlembagaan.
  - E. teori monokrasi.
40. Al-Mawardi telah memulakan serta membentuk teori negara berdasarkan ...
- A. falsafah Arab Islam.
  - B. falsafah politik Yunani.
  - C. falsafah politik Parsi.
  - D. falsafah semula jadi.
  - E. falsafah Quraisy.

41. Menurut Mawardi seorang Khalifah boleh dilucutkan daripada jawatannya sekiranya ...

- i. ia dipaksa letak jawatan oleh panglima-panglima tentera.
- ii. ia tidak menjaga kepentingan golongan berpengaruh.
- iii. ia tidak menjalankan tugasannya dengan adil.
- iv. ia tidak mematuhi kehendak alim ulama.
- v. ia tidak mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik.
- vi. ia tidak mempunyai kebebasan untuk bertindak.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i, ii, iii dan iv sahaja.
- B. i dan iii sahaja.
- C. i, iv dan v sahaja.
- D. iii, iv dan vi sahaja.
- E. v dan vi sahaja.

42. Al Mawardi telah menjelaskan bahawa negara akan wujud akibat daripada perjanjian di antara ...

- A. kaum Quraisy dan Khalifah.
- B. khalifah dan rakyat.
- C. khalifah dan golongan ulama.
- D. khalifah dengan keluarga berpengaruh.
- E. khalifah, panglima-panglima tentera, keluarga berpengaruh dan rakyat.

43. Al Mawardi telah menyenaraikan beberapa syarat yang mesti dipenuhi oleh seorang khalifah. Apakah syarat-syarat tersebut?

- i. ia mesti mempunyai kebebasan untuk bertindak.
- ii. ia mesti berasal dari suku kaum Quraisy.
- iii. ia mesti sihat dan tidak cacat.
- iv. ia mesti bersifat adil dan saksama.
- v. ia mesti mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang syariah.
- vi. ia mesti sanggup berjihad.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- A. i, ii, iii, iv dan v.
- B. ii dan v sahaja.
- C. i, iii, v dan vi sahaja.
- D. i, ii dan iii sahaja.
- E. iv dan v sahaja.

44. Perwakilan ulama yang bersidang di Pakistan pada 24 Januari 1951 mengakui bahawa semua negara Islam perlu mempunyai pemimpin negara. Apakah syarat-syarat yang dimestikan sebelum seseorang boleh dilantik menjadi pemimpin negara Islam?
- Ia mestilah seorang berketurunan Quraisy.
  - Ia mestilah seorang lelaki muslim.
  - Ia mesti seorang muslim yang bertaqwa.
  - Ia mesti mempunyai ilmu dan pengalaman yang cukup.
  - Ia mesti di hormati dan dipercayai oleh rakyat.
  - Ia mesti mempunyai kuasa mutlak dalam soal pemerintahan.

Kombinasi jawapan yang betul ialah ...

- i dan vi sahaja.
- ii dan iii sahaja.
- ii, iii, iv, dan v sahaja.
- i, ii dan iii sahaja.
- iv, v dan vi sahaja.

45. Teori negara Islam Abdul a'la Maududi

- berdasarkan Imamah, Khalifah dan hak asasi manusia.
- tidak sama sekali menyentuh kontrak sosial.
- mempunyai kelemahan kerana terlalu menitikberatkan peranan khalifah.
- menerima konsep demokrasi berasaskan kemuafakatan.
- tidak mengiktiraf Al Quran dan Sunnah sebagai sumber undang-undang negara.

Kombinasi jawapan yang betul ialah:

- i, ii dan iii.
- i dan iv.
- ii, iii dan v.
- i dan iii.
- iv dan v.

46. Al Maududi telah membuat beberapa kenyataan tentang pemerintahan negara yang biasanya diketuai oleh seorang khalifah. Di dalam tugas melaksanakan pemerintahan, khalifah akan dibantu oleh ...

- rakyat jelata.
- alim ulama.
- dewan perundangan.
- golongan berpengaruh.
- golongan cendekiawan.

47. Perwakilan ulama yang bersidang di Pakistan pada 24 Januari 1951 mengakui bahawa semua negara Islam perlu mempunyai satu badan atau lembaga yang diiktiraf sebagai yang berdaulat. Mereka telah mencadangkan bahawa kedaulatan tersebut perlu dipegang atau dimiliki oleh .....
- A. Al Makruf.
  - B. Tuhan.
  - C. Majlis Alim Ulama.
  - D. Khalifah.
  - E. Al Quran dan Sunnah.
48. Hampir semua pemikir-pemikir politik Islam membuat tinjauan kepada perkara-perkara berikut ...
- i. persoalan perlembagaan.
  - ii. teori bentuk pemerintahan.
  - iii. teori struktur negara.
  - iv. teori susun lapis rakyat dan pemerintah.
  - v. teori kedaulatan.
  - vi. teori kewujudan negara.
- Kombinasi jawapan yang betul ialah ...
- A. i dan vi sahaja.
  - B. ii dan iii sahaja.
  - C. ii, iii dan vi sahaja.
  - D. ii, v dan vi sahaja.
  - E. iv dan v sahaja.
49. Menurut Al Mawardi pemilihan khalifah hendaklah dibuat...
- A. oleh rakyat jelata.
  - B. oleh beberapa orang juru pilih.
  - C. oleh sanak saudara mendiang khalifah.
  - D. oleh majlis perwakilan rakyat.
  - E. oleh majlis penggubal undang-undang negara.
50. Pemikir politik yang menyarankan bahawa "manusia ialah haiwan politik" ialah ...
- A. Al Maududi.
  - B. Al Mawardi.
  - C. Plato.
  - D. Aristotle.
  - E. Karl Marx.







2. Bezakan pemikiran-pemikiran Hobbes dan Rousseau dari segi:
- (a) Keadaan semulajadi manusia (*state of nature*).
  - (b) Sebab-sebab manusia memasuki kontrak sosial.
  - (c) Pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak sosial.

(a) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



(c) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

(15 markah)  
 ...21/-





4. Berdasarkan falsafah Confucius, nyatakan lima keadaan dalam mana pemberontakan menentang raja dibenarkan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

(5 markah)

